

Projek Tebatan Banjir Kuantan Diberi Keutamaan Dalam Bajet 2015 - Najib Bernama
July 13, 2014

KUANTAN, 13 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan Pusat akan memberi keutamaan dalam projek tebatan banjir di Kuantan dalam pembentangan Bajet 2015 dan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11).

Beliau berkata beberapa penyelesaian teknikal berhubung projek berkenaan telahpun dibincangkan dalam taklimat pembangunan negeri hari ini dan kerajaan negeri Pahang diarah memantapkan perancangan projek itu untuk dipertimbang oleh kerajaan Pusat.

"Kita akan memberi keutamaan dalam projek tebatan di Kuantan ini kerana ia dilihat kritikal. Saya sendiri telah lihat betapa azabnya penduduk Sungai Isap apabila banjir mendadak berlaku.

"Beberapa penyelesaian sama ada untuk buat ban atau korek sungai, kita akan kaji kesan kedua-duanya dan diberi pertimbangan lanjut oleh kerajaan Pusat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri taklimat yang disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) Datuk Roslan Harun di Wisma Sri Pahang di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Yaakob yang juga Anggota Parlimen Bera dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Muhammad Saffian Ismail.

Najib berkata pelaksanaan projek berkenaan merupakan manifestasi kerajaan dan mencerminkan betapa seriusnya kerajaan mengambil kira aku janji pilihan raya lepas sama ada yang dibuat oleh kerajaan Pusat mahu pun kerajaan negeri.

Projek lain yang diberi keutamaan ialah projek penyaluran bekalan air ke kawasan luar bandar atau kampung-kampung yang hingga kini dibelenggu masalah bekalan air.

"Sama ada kampung-kampung itu menghadapi masalah bekalan air bersih, bekalan air sering terputus atau tekanan air yang tidak kuat, projek ini akan diberikan keutamaan bila kerajaan luluskan peruntukan (untuk Bajet 2015) nanti," katanya.

Najib berkata kerajaan juga akan menyemak peruntukan kewangan bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur termasuk penambahbaikan jalan-jalan raya atau lebuh raya di negeri ini dalam pembentangan Bajet 2015 kelak.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1053334>